

Pencetak Timbul V5 Index



Akhirnya wujud pencetakan mudah alih

Celik huruf adalah salah satu perkara penting bagi pembangunan yang berjaya. Ini berlaku bagi individu dan masyarakat, merangkumi orang yang berpenglihatan biasa dan buta. Saya sedih untuk menyatakan bahawa kebanyakan orang buta di dunia adalah buta huruf. Ini menjelaskan peluang mereka dalam hidup. Bagi saya, orang buta sepatutnya mempunyai peluang yang sama dengan orang yang berpenglihatan biasa.

Index Braille bermatlamat untuk mempermudahkan pencetakan braille supaya dokumen braille yang tercetak dapat disediakan untuk golongan buta, pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja yang diperlukan oleh mereka. Saya percaya bahawa ini akan membawa kepada kadar celik huruf yang lebih tinggi dalam kalangan orang buta dan meningkatkan bilangan individu buta yang berjaya.

Saya amat berbesar hati untuk memperkenalkan FanFold-D V5, iaitu penanda aras besar untuk memodenkan pasaran percetakan braille tradisional. Prestasi cemerlang, ciri-ciri menarik, cara penyelenggaraan yang mudah dan harga yang berdaya saing menjadikan pencetak timbul ini sebagai piawai

bagi pencetak timbul yang berciri suapan traktor dan kelajuan tinggi bagi tahun-tahun yang akan datang. Dengan keluaran FanFold-D V5, BrailleBox V5, Everest-D V5 dan Basic-D V5, portfolio pencetak Index Braille sudah lengkap bagi menyokong semua jenis keperluan pasaran.

Dengan menyertakan komputer Linux yang berkeupayaan tinggi di dalamnya, pencetak Index V5 membuka jendela peluang, termasuk:

- Index-direct-Braille (idB). Anda boleh menukar dokumen Word/PDF secara langsung ke dalam braille celik huruf (Gred 1) atau braille trengkas (Gred 2). Anda tidak perlu membeli penyunting braille yang berasingan.
- Aplikasi web dipasangkan "di dalam" pencetak. Ia menyokong pencetakan daripada peranti mudah alih dan juga akan dapat memberi pratonton, menyunting fail braille, melihat status pencetak timbul dan mendayakan sokongan jarak jauh.
- Ciri pertuturan sintetik Acapela membimbing pengguna dalam banyak bahasa.
- Cetak melalui Wi-Fi, rangkaian berkawat atau kabel USB.
- Cetak secara langsung daripada pemacu kilat USB yang dibimbing oleh maklum balas pertuturan sintetik.
- Antara muka pengguna yang pintar dengan maklum balas pertuturan mudah suai dalam dua puluh bahasa, membolehkan pengguna mengurangkan kebergantungan pada manual pengguna.

Pasaran pencetak timbul adalah kecil. Setiap tahun, beberapa ribu unit dikeluarkan, iaitu jumlah yang lebih sedikit daripada pengeluaran tahunan kereta mewah jenama Lamborghini.

Oleh kerana mencebur pasaran yang kecil, kami mendapat faedah dengan bekerjasama. Sejak 2015, Index telah bekerjasama dengan syarikat lain sebagai pengeluar Perusahaan Peralatan Asal bagi pencetak timbul dengan menggunakan platform teknologi Index.

Perjalanan kami masih diteruskan, yang bertujuan kearah matlamat kami iaitu "percetakan braille mudah". Anda dialu-alukan menyertai usaha kami.



En. Björn Löfstedt
Pemilik dan CEO Index Braille

FanFold-D

Pencetak braille yang berciri suapan traktor dan kelajuan tinggi

- 1000 muka surat/jam
- Tahap hingar rendah
- Sokongan jarak jauh melalui internet
- Grafik sentuhan resolusi tinggi
- Penyelenggaraan di tapak yang mudah
- Antara muka pintar



FanFold-D V5 merupakan pencetak timbul Braille pengeluaran kelajuan tinggi yang baharu berdasarkan platform teknologi BrailleBox V5 yang terbukti sangat berkesan. Ia menggabungkan kualiti titik yang terbaik, berkelajuan tinggi, kos penyelenggaraan rendah dan harga yang berdaya saing.

Prinsip pembangunan FanFold-D adalah mudah. Ia menggunakan modul pencetakan timbul dan elektronik BrailleBox, mekanisme suapan Basic-D dan teknologi pengurangan hingar Index Acoustic Hoods. Gabungan prinsip-prinsip mudah ini membawa kepada hasil yang menakjubkan, iaitu pencetak braille tradisional yang terbaik sekali.

FanFold-D dihantarkan pada palet dan sedia diguna terus.

Basic-D

Pencetak klasik kertas lembar berterusan yang dipercayai

- 310 muka surat/jam
- Saiz padat dan ringan
- Saiz kertas mengikut pilihan takrifan pengguna
- Cetak daripada peranti mudah alih
- Suapan traktor, kaedah suapan kertas yang paling boleh dipercayai



Basic-D V5 ialah pencetak timbul braille mudah alih dan berkeupayaan tinggi bagi kertas lembar berterusan. Prestasi yang hebat dan harga yang amat berdaya saing menjadikan model ini sebagai pencetak timbul braille yang terlaris di dunia.

Rekaan suapan traktor memberikan pengendalian kertas yang lancar dan pencetakan braille untuk sepanjang masa.

Reka bentuk padat Basic-D sesuai untuk semua komputer meja. Ia sesuai untuk percetakan Braille dalam apa juu bentuk, dari hujung jari anda.

Everest-D

Pencetak fleksibel kertas lembar potong

- 400 muka surat/jam
- Grafik sentuhan resolusi tinggi
- Pencetakan buku kecil automatik
- Saiz kertas mengikut pilihan takrifan pengguna
- Cetak daripada peranti mudah alih



Everest-D V5 sesuai untuk pelbagai jenis pengguna, daripada kegunaan peribadi sehingga pengeluaran braille yang banyak. Untuk berdekad-dekad lamanya, Everest-D merupakan pencetak timbul braille suapan lembar yang paling banyak terjual dalam pasaran.

Dengan ciri fleksibel suapan lembar boleh dilaras dan kertas takrifan pengguna, Everest-D boleh mencetak timbul hampir semua jenis braille pada kertas, kad perniagaan, label atau plastik nipis.

Penyuap lembarnya yang unik memberikan kestabilan pada kertas lembar potong. Terokai kelebihan salah satu pencetak timbul yang paling popular ini.

Acoustic Hoods

Bagi Everest-D dan Basic-D V4/V5

- Pengurangan hingar yang baik
- Pengudaraan menggunakan kipas pencetak timbul
- Peredam bunyi untuk pegudaraan
- Peredam bunyi untuk lubang kabel
- Disampaikan dalam keadaan sedia diguna



Everest Hood V4/V5 menyokong saiz kertas sehingga kertas A3 atau 11X17 inci, mengurangkan tahap hingar sehingga 58 dB(A) dan memiliki penyuap lembar penuh sebanyak kira-kira 50 helaian kertas.

Basic Hood V4/V5 dilengkapi dengan mekanisme pemotong kertas, mengurangkan tahap hingar sehingga 63 dB(A) dan dapat memuatkan sehingga 100 helaian kertas.

BrailleBox

Pencetak timbul berkelajuan tinggi untuk kertas lembar potong

- 900 muka surat/jam
- Dioptimumkan untuk format buku kecil
- Dulang braille bermotor
- Grafik sentuhan resolusi tinggi
- Cetak daripada peranti mudah alih




BrailleBox V5 merupakan pencetak timbul braille kelajuan tinggi untuk kertas lembar potong. Ia dioptimumkan untuk mengeluarkan buku braille dalam format buku kecil pada kertas A3 atau 11x17 inci. Di samping pembangunan teknikal am sejak BrailleBox V4 diperkenalkan pada tahun 2011, model V5 mempunyai ciri ketahanan yang lebih baik. Sejak 2012, BrailleBox merupakan pencetak braille pengeluaran yang terlaris dalam pasaran.

BrailleBox telah dianugerahkan dengan lima anugerah rekaan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Rekaannya yang baik membuatkan ia mesra pengguna dalam setiap perincian. Kejayaan rekabentuk Braille Box dengan bahagian kaca terbuka, warna gelap dan cerah serta permukaan aktif bertanda kini digunakan pada semua pencetak timbul Index.



Index-direct-Braille (idB)

- Memproses terjemahan teks kepada braille, memformat tataletak halaman braille, dan menambah nombor halaman secara automatik.
- Terjemahan braille menjadi celik huruf (Gred 1) atau braille trengkas (Gred 2).
- Menyokong lebih daripada 140 bahasa.
- IdB adalah percuma. Tiada pendaftaran atau lesen diperlukan.



Antara muka web

Aplikasi web tersedia apabila pencetak timbul bersambung dengan rangkaian anda.

- Buka aplikasi dengan menaip alamat IP pencetak timbul pada pelayar anda.
- Menyokong apa-apa jua peranti yang bersambung dengan rangkaian anda: telefon bimbit, iPad, komputer riba dan komputer.
- Menyokong semua pelayar biasa, contohnya Chrome dan Firefox.
- Mencetak dokumen braille daripada jenis .doc .docx .txt, dan pdf.
- Memantau status pencetak timbul secara jarak jauh.



Sambungan wayarles

- Menyokong protokol komunikasi standard.
- Sokongan Wi-Fi dwijalur.
- Perkakasan Bluetooth.



Sokongan memori USB

Masukkan pemacu kilat USB dalam port hos USB pada pencetak V5.

- Mencetak dokumen secara langsung ke dalam braille.
- Menaik taraf perisian tegar pencetak timbul.
- Menyandar dan memulihkan tataletak yang diperbadikan.
- Maklum balas pertuturan sintetik sebagai bimbingan untuk pengguna.



Antara muka yang pintar

- Panel kawalan berlabel teks dan braille
- Struktur menu yang serupa dengan kebanyakan peranti pintar.
- Maklum balas pertuturan sintetik berbilang bahasa.
- Antara muka pengguna yang interaktif.

Index Braille Technology Sys (M) Sdn Bhd (583020-V)

No 32, Jalan Murni 1A

Taman Malim Jaya

75250 Malim

Melaka

Malaysia

Tel & Fax: 0060 6 3351043

Email: anna.indexbrailletech@gmail.com

Website: www.indexbraille.com/en-us/sales/asia



www.indexbraille.com